



24 November 2023  
24 November 2023  
P.U. (A) 364

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
(KAJIAN SEMULA PEMBERIAN KHAS  
DI BAWAH PERKARA 112D) (NEGERI SABAH) 2023

*FEDERAL CONSTITUTION  
(REVIEW OF SPECIAL GRANT UNDER ARTICLE 112D)  
(STATE OF SABAH) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (KAJIAN SEMULA PEMBERIAN KHAS  
DI BAWAH PERKARA 112D) (NEGERI SABAH) 2023

BAHAWASANYA menurut kuasa Fasal (1) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, pemberian khas yang dibuat untuk Negeri Sabah yang dinyatakan dalam perenggan (a) Fasal (1) Perkara 112c Perlembagaan Persekutuan hendaklah dikaji semula oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah;

DAN BAHAWASANYA kajian semula telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah pada 23 Jun 2023;

DAN BAHAWASANYA hasil kajian semula tersebut Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah bersetuju bahawa selama tempoh enam tahun mulai 2022 hingga 2027 di bawah Fasal (3) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan hendaklah memberikan Kerajaan Negeri Sabah, berkenaan dengan setiap tahun kewangan tersebut, pemberian lain sebagai menggantikan pemberian yang dibuat di bawah Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2022 [*P.U. (A) 119/2022*];

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (1) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2023**.

**Pemberian khas**

2. (1) Bagi tempoh enam tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022, Kerajaan Persekutuan hendaklah membuat kepada Negeri Sabah, berkenaan dengan tahun kewangan 2022, 2023, 2024, 2025, 2026 dan 2027, pemberian masing-masing

berjumlah RM125.6 juta, RM300 juta, RM306 juta, RM312 juta, RM318 juta dan RM325 juta.

(2) Kerajaan Persekutuan telah membuat kepada Negeri Sabah, berkenaan dengan tahun kewangan 2022, pemberian berjumlah RM125.6 juta pada 16 Jun 2022.

**Pembatalan**

3. Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2022 [*P.U. (A) 119/2022*] dibatalkan.

Dibuat 22 November 2023  
[MOF.NBO(R)600-8/4/1 JLD.3(5); PN(PU2)171/XXV]

Dengan Titah Perintah

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Menteri Kewangan*

FEDERAL CONSTITUTION

FEDERAL CONSTITUTION (REVIEW OF SPECIAL GRANT UNDER ARTICLE 112D)  
(STATE OF SABAH) ORDER 2023

WHEREAS by virtue of Clause (1) of Article 112D of the Federal Constitution, the special grant made to the State of Sabah as specified in paragraph (a) Clause (1) of Article 112c of the Federal Constitution shall be reviewed by the Governments of the Federation and the State of Sabah;

AND WHEREAS the review was held by the Governments of the Federation and the State of Sabah on 23 June 2023;

AND WHEREAS the said review has resulted in the Governments of the Federation and the State of Sabah agreeing that for the period of six years with effect from 2022 to 2027 made under Clause (3) of Article 112D of the Federal Constitution, the Government of the Federation shall make to the Government of the State of Sabah, in respect of each financial year, another grant instead of the grant made under the Federal Constitution (Review of Special Grant under Article 112D) (State of Sabah) Order 2022 [*P.U. (A) 119/2022*];

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by Clause (1) of Article 112D of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Federal Constitution (Review of Special Grant under Article 112D) (State of Sabah) Order 2023**.

**Special grant**

2. (1) For a period of six years with effect from 1 January 2022, the Government of the Federation shall make to the Government of the State of Sabah, in respect of the financial year 2022, 2023, 2024, 2025, 2026 and 2027, grants in the amount of RM125.6 million, RM300 million, RM306 million, RM312 million, RM318 million and RM325 million respectively.

(2) The Government of Federation has made to the State of Sabah, in respect of the financial year 2022, grant in the amount of RM125.6 million on 16 June 2022.

**Revocation**

3. The Federal Constitution (Review of Special Grant under Article 112D) (State of Sabah) Order 2022 [*P.U. (A) 119/2022*] is revoked.

Made 22 November 2023  
[MOF.NBO(R)600-8/4/1 JLD.3(5); PN(PU2)171/XXV]

By Command

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Minister of Finance*